

Umno yakin masalah akan diatasi

KUALA LUMPUR, Rabu — Umno yakin segala masalah berkaitan dengan pindaan perlembagaan negara akan dapat diselesaikan dengan cara baik, kata Setiausaha Agungnya, Datuk Mustafa Jabbar hari ini.

Beliau menegaskan, Umno sentiasa berusaha mengatasi masalah itu dan menyatakan kesediaan parti untuk menemui raja-raja bagi menjelaskan segala kekeliruan yang timbul ekoran dari pindaan itu.

"Umno sebagai parti pemerintah ingin menyelesaikan masalah itu supaya kedudukan politik negara akan terus stabil dan memudahkan kerajaan menjalankan tugas-tugas pembangunan untuk rakyat," tambah beliau dalam satu pertemuan di sini.

Beliau mengalu-alukan titah ucapan Raja Perlis untuk berusaha mencari jalan menyelesaikan isu itu dan mensifatkannya sebagai 'alamat baik' yang menunjukkan raja-raja sendiri ingin menyelesaikan isu itu bersama Umno.

Katanya, saranan Raja Perlis itu menggambarkan satu penyelesaian baik yang diharapkan oleh rakyat dan Raja-Raja Melayu akan dapat disempurnakan.

Raja Perlis dalam titah ucapannya sempena ulangtahun keputeraan baginda yang ke-66 dua hari lalu menyatakan kesediaan raja-raja untuk menemui rombongan kerajaan bagi menyelesaikan masalah itu.

Sumber-sumber Umno hari ini mengesahkan bahawa satu rombongan tertinggi parti dijadualkan mengadap raja-raja untuk menerangkan segala kekeliruan yang timbul berkenaan pindaan kepada perlembagaan negara.

Pertemuan dengan raja-raja itu dijangka diadakan di Istana Bukit Kayangan di Shah Alam pada 20 November.

Bagaimanapun, Datuk Mustafa Jabbar enggan mengulas mengenai soal itu yang menurutnya sulit dan terlalu awal untuk dihebahkan.

Naib Presiden Umno, Encik Ghafar Baba akan mengetuai rombongan Umno itu yang akan terdiri dari Naib Presiden Parti, Datuk Harun Idris; Datuk Mustafa dan dua orang anggota Majlis Tertinggi Umno.